



## **Lebih 200,000 rakyat Selangor dapat manfaat Jualan Ehsan Rakyat**

Norzamira Che Noh

November 24, 2022 @ 2:39pm

SHAH ALAM: Lebih 200,000 rakyat Selangor mendapat manfaat daripada program Jualan Ehsan Rakyat yang menawarkan pelbagai barangan asas pada harga murah sejak September lalu.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Infrastruktur & Kemudahan Awam dan Pemodelan Pertanian & Industri Asas Tani Selangor, Izham Hashim, berkata program yang sepatutnya berakhir awal Disember ini akan dilanjutkan hingga Mac tahun depan berikutan sambutan baik masyarakat.

"Bagi program ini, kerajaan negeri memperuntukkan RM12 juta bagi pelaksanaan Jualan Ehsan Rakyat di 700 lokasi.

"Setiap barangan dijual murah 30 peratus berbanding harga pasaran. Hingga Oktober lalu, penjimatan kos barangan asas terbabit ialah sebanyak RM2.85 juta, manakala jumlah kutipan RM6.8 juta di 366 lokasi," katanya pada sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) Selangor, di sini, hari ini.

Beliau menjawab soalan Chua Wei Kiat (PH-Rawang) mengenai Jualan Ehsan Rakyat.

Mengulas lanjut, Izham memaklumkan, program itu diadakan bagi membantu rakyat pasca pandemik COVID-19 dan bukan mahu menyaingi peniaga kecil.

Justeru, beliau berkata, Jualan Ehsan Rakyat tidak diadakan berdekatan pasar, malah ia juga berskala kecil membabitkan sembilan lokasi setiap hari kecuali Jumaat.

"Lokasi program dipilih menerusi permohonan dari pusat khidmat DUN yang mana mereka akan mengenal pasti tempat yang sesuai, selain turut memberi sokongan logistik," katanya.

Program kendalian Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) itu antara lain menawarkan ayam standard pada harga RM10 seekor, daging pejal segar (RM10 per pek), telur ayam gred B (RM10 sepapan), ikan kembung atau selayang (RM6 per pek), minyak masak lima kilogram (kg) (RM25) dan beras 5kg (RM10).